

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat aktif** bagi ayat yang bergaris di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Bakelite ialah plastik pertama di dunia yang diperbuat sepenuhnya daripada bahan kimia. Leo Hendrik Beakeland mencipta bakelite dengan menggunakan tindak balas kondensasi. Plastik mengambil masa yang panjang untuk terurai sepenuhnya. Rakyat Malaysia menggunakan sembilan bilion plastik setahun. Malaysia kini berada pada kedudukan lapan negara teratas di dunia kerana tidak menguruskan sisa plastik dengan betul. Plastik menyebabkan banyak ikan paus ditemui mati di laut-laut besar di dunia. Pada tahun 2013, seekor ikan paus mati di pantai Granada kerana tertelan sejumlah plastik seberat 17 kilogram. Isu plastik telah merencatkan sistem rantaian makanan di lautan.

Dipetik dan diubah suai daripada

Dipetik dan diubah suai daripada
'Plastik dan Mikroplastik Musnahkan Alam Sekitar

[6 markah]

Ayat Aktif	Ayat Pasif
Leo Hendrik Beakeland mencipta bakelite dengan menggunakan tindak balas kondensasi.	
Rakyat Malaysia menggunakan sembilan bilion plastik setahun.	
Plastik menyebabkan banyak ikan paus ditemui mati di laut-laut besar di dunia.	